

Headline	Kelab Belia Riben Merah ditubuh		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	02 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	25	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	198 cm <sup>2</sup>
Journalist	FIRDAUS SAKAT	AdValue	RM 7,313
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,938



## Kelab Belia Riben Merah ditubuh

>>Oleh **FIRDAUS SAHAT**  
firdaussahat@hmetro.com.my


**K**UALA LUMPUR: Dalam usaha menangani HIV dan Aids, Majlis Aids Malaysia (MAC) bekerjasama dengan pelajar perubatan Universiti Malaya (UMMed Soc) melancarkan Kelab Belia Riben Merah (Red Ribbon Youth Club) sebagai cara untuk memupuk kesedaran kepada remaja mengenai penyakit berbahaya itu, semalam.

Perasmian di Berjaya Times Square, di sini, sempena sambutan Hari Aids Sedunia itu turut bertujuan mengurangkan kes terbaru penyakit itu sejajar dengan temanya, 'Sifar Diskriminasi', 'Sifar Jangkitan HIV', 'Sifar Kematian'.

Setiausaha Kehormat MAC, Hisham Hussein berkata, setiap tahun satu daripada empat kes terbaru yang dilaporkan membabitkan remaja.

"Untuk itu, kita harus meningkatkan kesedaran golongan ini supaya tema Hari Aids Sedunia tahun ini dapat direalisasikan.

"Di Malaysia, penyebaran penyakit ini sering berkait rapat dengan penyalahgunaan dadah, pekerja seks, pe-



**SOKONGAN...** pelajar Universiti Malaya turut serta pada majlis pelancaran Hari Aids Sedunia, semalam.

nukaran jantina dan hubungan seks sesama jenis. Jadi, kita perlu mendidik remaja supaya menjauhi gejala ini.

"Kini masa sesuai bagi menubuhkan Kelab Belia Riben Merah. Menerusi kelab ini, kami cuba memupuk kesedaran remaja dalam usaha menentang penyakit ini," katanya.

Turut hadir Pengarah Penyakit Berjangkit Kementerian Kesihatan, Dr Chong Chee Kheong; wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Malaysia, Brunei dan Singapura, Graham Harrison dan selebriti penyokong Riben Merah iaitu Aaron Aziz dan Harith Iskandar.